

1. Nyatakan jawapan berpandukan kad nombor di bawah.

407 153

a) Apakah nilai tempat bagi digit 4?

b) Bundarkan nombor kepada ratus ribu terdekat.

c) Hitung beza antara nilai digit 4 dengan nilai digit 7.

2. Jadual menunjukkan rancangan televisyen yang diminati sekumpulan murid.

Rancangan	Bilangan murid
Kartun	609 140
Cerita fantasi	24 861 kurang daripada kartun

a) Hitung bilangan murid yang meminati cerita fantasi.

b) $\frac{1}{5}$ daripada jumlah murid yang meminati rancangan kartun ialah murid perempuan. Berapakah bilangan murid lelaki yang meminati cerita kartun?

3 Gambar menunjukkan bilangan kupon Hari Kantin di dalam kotak Q.



Bilangan kupon di dalam sebuah kotak lagi, iaitu kotak R ialah 130% daripada bilangan kotak Q.

a) Hitung bilangan kupon di dalam kotak R.

b) Selepas beberapa hari, $\frac{2}{3}$ daripada bilangan kupon di dalam kotak Q telah dijual. Berapakah bilangan kupon yang masih ada di dalam kotak Q?